

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor / syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja / perkhidmatan / bekalan berikut:

No. Sebutharga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 161/2020	Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di (1) Persiaran Ceupacs 2B, Taman Koperasi Cuepacs (2) Jalan Sakap 7, Taman Sakap (3) Jalan Bukit Mewah, Taman Bukit Mewah Dan Lain-Lain Kawasan, Mukim Kajang, Majlis Perbandaran Kajang.	KKM	221002	RM50.00	23 Oktober 2020 Hingga 6 November 2020
MPKj S 162/2020	Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di (1) Jalan Setia Balakong 1/2, Taman Setia Balakong (2) Jalan Sinaran, Taman Sinaran (3) Jalan Taming Kiri 1, Taman Taming Kiri Dan Lain-Lain Kawasan, Mukim Kajang, Majlis Perbandaran Kajang.	KKM - Sertakan bersama Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputra			
MPKj S 163/2020	Perkhidmatan Penyelenggaraan Pokok Teduhan Di (1) Jalan Seri Putra 3 Bandar Seri Putra, Kawasan Bandar Baru Bangi, Majlis Perbandaran Kajang.				
MPKj S 164/2020	Kerja-Kerja Membina Longkang U-Shape Di Jalan 3, Kampung Sireh, Semenyih Daerah Hulu Langat Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.	CIDB G2	CE21 & CE34		

DOKUMEN MEJA TERKAWAL

Dokumen Meja Terkawal boleh disemak di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my>

Penyebutharga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara atas talian di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

Pembelian Dokumen Tawaran secara atas talian diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebutharga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **23HB. OKTOBER 2020 HINGGA 6HB. NOVEMBER 2020**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** di Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Kajang, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan **SEBELUM atau PADA 6HB. NOVEMBER 2020 (JUMAAT) JAM 12.00 TENGAHARI.** Pihak tuan/puan digalakkan untuk menghantar dokumen tawaran seawal tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh tutup yang telah ditetapkan. Ini adalah bagi memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semasa menghantar dokumen tawaran seperti memastikan penjarakan fizikal dipatuhi dan tidak dibenarkan menghantar dokumen tawaran secara berkumpulan.